



DPMM Pahang bakal lancar kertas kerja ^{m/s p 1}

KUANTAN – Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) Pahang bakal melancarkan satu kertas kerja 'Blue Print' bagi memastikan ahlinya mempunyai hala tuju dan matlamat jelas bukan sahaja dalam perniagaan malah pelbagai bidang luar yang tidak berkaitan.

Pemangku Yang Dipertuanya, Datuk Ab Rahim Abu Bakar berkata, bagi merealisasikan hasrat berkenaan, DPMM kini menjalankan kerjasama dengan beberapa pakar akademik berkaitan dari tiga Institusi Pengajian Tinggi iaitu Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dan Universiti Teknologi Mara (UITM).

"Blue print mengandungi empat aspek utama iaitu kebajikan, moral, pendidikan dan ekonomi bagi membantu golongan itu supaya dapat membantu meningkatkan perniaga khususnya dan bidang lain amnya," katanya.

Beliau berkata, 'Blue print' membolehkan ahli DPMM memberi fokus khusus dalam perniagaan di samping hala tuju perjuangan yang relevan dengan ahlinya sekali gus dapat menepis tanggapan masyarakat mengenai DPMM.

Katanya, pembaharuan bakal dilakukan dalam DPMM bukan sahaja melalui aktiviti perniagaan tetapi membabitkan khidmat sosial, ekonomi dan pendidikan.